

PENCAPAIAN PROJEK AZAM TANI MARDI KELANTAN: ANALISIS IMPAK PROJEK TERHADAP HIDUP PESERTA

(ACHIEVEMENTS OF THE AZAM TANI MARDI KELANTAN PROJECT: AN ANALYSIS OF THE PROJECT'S IMPACT ON PARTICIPANT'S LIVES)

Kamaruzaman AHMAD^{*1}

Awang Azman AWANG PAWI²

Mashrom MUDA³

^{1, 2, 3}Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

^{*1}kamar27031@gmail.com

²awangazman@um.edu.my

³mashrom@um.edu.my

*Corresponding author**

Received: 30th December 2024

Accepted: 24th April 2025

ABSTRAK

Tahap keberkesanan program pembasmian kemiskinan di Malaysia amat jarang diberi tumpuan dan penekanan. Salah satu program tersebut ialah program Projek AZAM Tani yang telah dijalankan oleh beberapa agensi kerajaan semenjak tahun 2011, tahap keberkesanannya memerlukan kajian lebih mendalam. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap pencapaian peserta-peserta Projek AZAM Tani oleh Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di Kelantan. Seramai 352 peserta projek di negeri Kelantan terpilih sebagai responden kajian dengan menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data ialah soal selidik (borang pemantauan) dan temu bual yang mencatatkan jumlah pendapatan bulanan. Setelah data diperolehi daripada responden, analisis deskriptif dilakukan untuk menjawab soalan-soalan kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta-peserta Projek AZAM Tani di Kelantan antara tahun 2011-2018 telah berjaya mengubah tahap ekonomi mereka kepada suatu tahap yang lebih baik. Hal ini dapat dilihat dari segi pertambahan pendapatan peserta yang mencatatkan paras melebihi pendapatan Paras Garis Kemiskinan (PGK). Hasil kajian juga mendapati para peserta projek mempunyai sikap dan motivasi yang tinggi terhadap projek yang dijalankan. Situasi ini sekali gus mampu meningkatkan status sosioekonomi para peserta dengan lebih baik dalam jangka panjang. Dapatkan kajian juga memperlihatkan pelbagai faktor dalaman dan faktor luaran yang dapat mempengaruhi pencapaian peserta projek. Namun, satu kajian lanjut berkenaan keberkesanan program perlu dijalankan agar hasil kajian adalah benar-benar mencerminkan kejayaan sebenar program dalam semua aspek.

Kata kunci: kemiskinan; AZAM Tani; paras garis kemiskinan; pendapatan

ABSTRACT

The level of effectiveness of poverty eradication programs in Malaysia is rarely given attention and emphasis. One of these programs is the AZAM Tani Project program which has been carried out by several government agencies since 2011, its level of effectiveness requires more in-depth study. Therefore, this study was conducted to determine the level of achievement of the participants of the AZAM Tani Project by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) in Kelantan. A total of 352 project participants in the state of Kelantan were selected as study respondents using the stratified random sampling method. The study instruments used to collect data were questionnaires (monitoring forms) and interviews that recorded the total monthly income. After data was obtained from the respondents, descriptive analysis was conducted to answer the study questions. The study findings showed that the participants of the AZAM Tani Project in Kelantan between 2011-2018 had successfully changed their economic level to a better level. This can be seen in terms of the increase in income of participants who recorded a level exceeding the Poverty Line Income (PGK). The results of the study also found that the project participants have a high attitude and motivation towards the project being carried out. This situation is thus able to improve the socio-economic status of the participants for the better in the long term. The study findings also show various internal and external factors that can influence the achievement of the project participants. However, a further study on the effectiveness of the program needs to be conducted so that the results of the study truly reflect the true success of the program in all aspects.

Keywords: poverty; AZAM Tani; poverty line; income

Pengenalan

Isu kemiskinan adalah masalah global. Ia bukan sahaja dihadapi oleh negara-negara miskin dan negara membangun tetapi juga negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) (Nur Alisa et al., 2023). Bagi kebanyakan negara miskin dan sedang membangun yang pernah dijajah suatu masa dahulu, kemiskinan adalah isu utama yang memerlukan program pembasmian kemiskinan yang berkesan. Justeru, selepas memperolehi kemerdekaan, negara-negara terbabit termasuk Malaysia telah merangka dan melaksanakan pelbagai program pembangunan sosioekonomi bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat dan sekaligus mengurang dan membasi isu kemiskinan (Syamila et al., 2015). Namun, jika diteliti secara mata kasar isu kemiskinan masih tetap berlaku dan semakin bertambah.

Oleh itu, sejak merdeka lagi kerajaan telah merangka pelbagai program pembangunan sosioekonomi yang mengandungi matlamat menyusun semula masyarakat, meningkat taraf hidup rakyat dan membasmian kemiskinan (Nik Mad et al., 2020). Sejak 1950-an lagi sudah wujud inisiatif kerajaan untuk membasi kemiskinan luar bandar, misalnya RIDA. Matlamat kerajaan dalam membasi kemiskinan telah bermula sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang telah diperkenalkan pada tahun berkenaan adalah bertujuan untuk menangani ketidakseimbangan ekonomi yang ketara pada ketika itu. Malaysia telah mencatat kejayaan yang membanggakan dalam usaha membasi kemiskinan. Menurut Unit Perancang Ekonomi (2018), secara keseluruhan, kadar kemiskinan telah menurun daripada 49.5 peratus pada tahun 1970 kepada 5.7 peratus pada tahun 2004. Keadaan yang sama berlaku kepada kadar kemiskinan bandar, luar bandar dan kemiskinan tegar. Pada tahun 2004, kadar kemiskinan bandar, luar bandar dan miskin tegar masing-masing 2.5 peratus, 11.9 peratus dan 1.2 peratus. Usaha pembasmian kemiskinan dijadikan agenda utama di Malaysia dan ia telah dilaksanakan melalui pelbagai program seperti program pembangunan komuniti, Dasar Bumi Hijau, pembangunan desa bersepadu (Siwar et al., 1990), pembiayaan usahawan mikro, usahawan niaga dan skim kredit pertanian. Kebanyakan program terbabit dijadikan strategi utama pembangunan

luar bandar dan ia menjadi satu keazaman politik yang cukup tinggi oleh kerajaan yang memerintah (Cui et al., 2023). Isu kemiskinan sering dikaitkan dengan soal keadilan, moral dan kemanusiaan (Koswara, 2022). Justeru, kegagalan kerajaan dalam usaha membasmikan atau mengurangkan isu kemiskinan akan dijadikan sentimen politik yang boleh menggugat kerajaan.

Menurut MOA (2015), kerajaan telah memperkenalkan Program Transformasi Kerajaan (*Government Transformation Programme, GTP*) sebagai usaha meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam dalam menghadapi cabaran untuk mencapai Wawasan 2020. Sehubungan dengan itu, tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Result Area, NKRA*) telah diwujudkan di bawah inisiatif GTP. Salah satu NKRA tersebut ialah usaha meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah (*Low Income Household, LIH*) yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Di bawah NKRA isi rumah berpendapatan rendah, terdapat dari 49 inisiatif yang menyokong 12 strategi perkhidmatan. Salah satu daripada inisiatif ini ialah Projek AZAM Tani yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sebagai *Project Champion* di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia.

Latar Belakang

Program Transformasi Kerajaan telah menetapkan supaya kemiskinan tegar dibasmi dan kadar kemiskinan disasarkan untuk dikurangkan kepada angka 2.0 peratus pada akhir tahun 2015 (Jabatan Perdana Menteri, 2011). Pada peringkat awal permulaan projek pada 2009, perangkaan menunjukkan golongan miskin dan miskin tegar adalah sebanyak 190,000 keluarga yang berdaftar dalam eKasih. Sistem eKasih ialah satu sistem pangkalan data keluarga miskin yang diwujudkan di peringkat nasional bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan. Empat inisiatif dalam pelaksanaan Program 1 AZAM iaitu AZAM Niaga, AZAM Khidmat, AZAM Kerja dan AZAM Tani. AZAM Tani telah diberi kepada beberapa kementerian, jabatan dan agensi. AZAM itu sendiri sinonim dengan nama Akhiri Zaman Miskin. Projek AZAM Tani dilaksanakan oleh kesemua jabatan dan agensi di bawah MOA bagi membantu golongan isi rumah berpendapatan rendah meningkatkan pendapatan mereka melalui pemberian bantuan projek peningkatan ekonomi dalam sektor pertanian dan industri asas tani (MOA, 2015).

Projek AZAM Tani mensasarkan rakyat berpendapatan rendah daripada kalangan petani, penternak, nelayan dan pengusaha industri asas tani dengan memberi tumpuan kepada golongan miskin tegar dan miskin yang berdaftar dalam sistem eKasih. Rakyat berpendapatan rendah dikategorikan dalam tiga kumpulan iaitu miskin tegar, miskin dan mudah miskin (Hamzah, 2012). Pengukuran tahap kemiskinan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) per kapita iaitu pendapatan keseluruhan keluarga sebulan per bilangan ahli dalam keluarga. Mengikut PGK 2012, pendapatan per kapita miskin tegar bagi luar bandar adalah di bawah RM120 dan miskin antara RM120-RM190 (MOA, 2015).

Projek AZAM Tani adalah merupakan tanggungjawab baharu MARDI sebagai sebuah institusi penyelidikan. MARDI telah diberi tanggung jawab untuk melaksanakan program pembasmian kemiskinan bagi memenuhi salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu usaha untuk meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah yang melibatkan golongan petani, penternak dan nelayan. Pelaksanaan Projek AZAM Tani yang diuruskan oleh MARDI melibatkan beberapa peringkat mengikut modul pelaksanaan program pembasmian kemiskinan yang telah dirancang dengan teliti. Salah satu elemen yang penting dalam program ini ialah meletakkan projek ini sebagai sebahagian daripada proses pemindahan teknologi kepada golongan sasar (MARDI, 2014).

MARDI melaksanakan Projek AZAM Tani di Semenanjung Malaysia dan juga Wilayah Persekutuan Labuan, manakala bagi Sabah dan Sarawak, Program 1AZAM diselaras dan dilaksanakan

oleh kerajaan negeri masing-masing. Projek AZAM Tani oleh MARDI bermula sejak tahun 2011 dan sehingga akhir 2018 jumlah peserta projek individu yang terlibat ialah 2,133 orang. Projek individu ini merangkumi sembilan buah negeri iaitu Selangor (551 peserta), Kelantan (508 peserta), Perak (350 peserta), Terengganu (205 peserta), Pahang (204 peserta), Kedah (155 peserta), Melaka (69 peserta), Pulau Pinang (50 peserta) dan Johor (40 peserta). Di samping itu, Projek AZAM Tani juga dilaksanakan secara berkelompok. Ini termasuklah Projek *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) 3 Sepang (300 peserta) dan Projek Ternakan Kupang Orang Asli Kuala Masai Johor (40 peserta). MARDI turut menguruskan Projek AZAM Tani secara kolaborasi antara MOA-NGO sejak 2014. Peserta yang terlibat dalam Projek AZAM Tani secara berkelompok menerima dividen hasil dari projek tersebut (MARDI, 2015).

Namun persoalannya, apakah kesan bantuan Projek AZAM Tani oleh MARDI ini mampu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup peserta-peserta di negeri Kelantan? Oleh itu, kajian ini akan mengkaji keadaan kehidupan peserta projek sebelum dan selepas menjadi peserta projek. Kajian ini akan menganalisis sama ada pendapatan dan taraf hidup peserta meningkat atau tidak selepas mengikuti projek ini. Kelemahan dalam aspek pengurusan sesebuah projek pembasmian kemiskinan adalah suatu perkara yang harus dipandang serius oleh banyak pihak terutamanya pihak pelaksana projek. Lebih-lebih lagi jika melibatkan sejumlah peruntukan wang yang sangat besar jumlahnya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat kepada pencapaian peserta dalam meraih pendapatan bulanan sebelum dan sesudah mengikuti projek. Secara khususnya kepentingan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak berwajib seperti PEMANDU (JPM), KPWKM, ICU (JPM), MOA dan MARDI dalam mencari inisiatif dan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah yang timbul bagi meningkatkan pencapaian peserta-peserta program Projek AZAM Tani. Kajian ini juga mendedahkan gambaran sebenar sikap dan motivasi peserta dalam mengeluarkan diri daripada belenggu kemiskinan yang sudah lama menguasai kehidupan mereka. Oleh yang demikian, peserta-peserta projek tersebut dapat memperbaiki dan mempertingkatkan lagi usaha mereka bagi mencapai pendapatan yang lebih baik.

Kepentingan kajian bagi warga pelaksana pula, ia dapat menjadikannya sebagai rujukan kepada mereka dalam usaha untuk memastikan peserta-peserta dapat meningkatkan pencapaian ekonomi masing-masing dengan lebih produktif. Ia juga sebagai inisiatif kepada warga pelaksana dalam memikirkan kemahiran yang baharu dalam menarik minat peserta menjadi juara dalam memperbaiki pendapatan ekonomi keluarga mereka pada projek yang akan datang. Ini secara langsung dapat mengukuhkan lagi persediaan pelaksana projek dalam menghadapi keperluan berkomunikasi dengan peserta-peserta projek dengan lebih baik.

Hasil kajian ini juga akan menjadi panduan kepada warga pelaksana projek tentang strategi yang boleh digunakan bagi meningkatkan motivasi peserta untuk lebih berjaya. Selain itu, hasil kajian ini akan membuatkan warga pelaksana lebih peka dengan kehendak peserta dalam memperkasa ekonomi keluarga mereka (Jasni et al., 2022). Selain itu, kepentingan kajian ini kepada masyarakat adalah dengan adanya inisiatif dalam membantu rakyat miskin terutamanya peserta Melayu untuk menguasai ekonomi, integrasi antara kaum di Malaysia akan dapat dipertingkatkan tidak kira di dalam bandar atau luar bandar sekaligus dapat menjadikan pengagihan ekonomi secara rata di Malaysia (Nooririnah, 2014).

Sorotan Literatur

Kajian-kajian sebelum ini dalam fokus kemiskinan telah banyak dilakukan oleh para pengkaji terdahulu sama ada di luar atau di dalam negara. Dengan adanya kajian-kajian tersebut, ia telah memberi impak yang besar dalam memberikan panduan kepada pihak berwajib dalam mengurangkan peratus kemiskinan dalam negara. Justeru, kajian lepas ini akan mengemukakan kajian-kajian tentang program-

program pembasmian kemiskinan yang pernah dijalankan atau digunakan oleh pelbagai pihak dalam mencapai objektif kemiskinan sifar oleh kerajaan. Fokus perbincangan dalam kajian tersebut lebih menjurus kepada kajian yang menganalisis serta menilai keberkesanan sesuatu program itu seperti dasar-dasar, polisi-polisi, skim-skim atau pelbagai lagi dalam mencapai objektif yang dikehendaki. Sebelum kajian lanjut mengenai program-program kemiskinan dibincangkan, kajian tentang kemiskinan di Malaysia akan dikupas. Ini adalah penting, memandangkan konsep kemiskinan itu sendiri adalah amat luas dan dinamik. Melalui kajian tentang konsep kemiskinan ini, di Malaysia khasnya dapat membawa kepada suatu pemahaman bahawasanya tiada satu kaedah mutlak pun yang mampu membawa angka kemiskinan menjadi sifar.

Seperti yang dinyatakan oleh N. Khalid (1985), di Malaysia, isu kemiskinan ini berlaku di kawasan luar bandar dan juga bandar. Sejak sekian lamanya, berlaku pengasingan insiden kemiskinan ini berdasarkan kepada lokasi bandar dan luar bandar dengan tumpuan penyelesaian yang berbeza-beza. Menurut beliau lagi, kedua-dua jenis kemiskinan ini memerlukan cara penyelesaian yang sesuai dan berterusan. Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957, menurut Sabran (2003), pelbagai projek dan program telah dijalankan oleh pihak kerajaan untuk membantu masyarakat miskin di negara ini. Pihak kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memastikan hasrat dan tujuan untuk membebaskan masyarakatnya daripada belenggu kemiskinan tercapai. Fenomena kemiskinan di negara ini telah menurun, akan tetapi bilangan golongan miskin masih lagi tinggi terutamanya di kawasan luar bandar (Haslina et al., 2009). Salah satu punca mengapa dan kenapa keadaan sebegini berlaku adalah disebabkan kegagalan dan kurangnya keberkesanan dasar dan strategi pembangunan komuniti ataupun desa yang dilaksanakan. Model Pembangunan Komuniti yang memberikan penekanan kepada lima elemen utama sepatutnya mampu untuk membantu menyelesaikan masalah kemiskinan terutamanya masyarakat yang tinggal di luar bandar dengan lebih berkesan. Di antara lima penumpuan utama di dalam model ini ialah pemimpin masyarakat, masyarakat tempatan, teras pembangunan komuniti, proses pembangunan komuniti dan hasil pembangunan komuniti. Model ini menjelaskan dengan terperinci proses yang perlu dilalui oleh setiap masyarakat atau agensi yang berminat untuk membantu golongan miskin di negara ini melalui projek-projek yang dijalankan. Dengan mengikuti proses yang dicadangkan oleh model ini, bukan sahaja masalah kemiskinan dapat dikurangkan dengan berkesan, malah ia mampu untuk membantu negara membuat pelaburan di dalam projek-projek pembangunan masyarakat yang mencapai matlamat penubuhannya.

Menurut kajian Abd Halim et al. (2013) lagi, jumlah pinjaman mikrokredit yang diterima mempunyai hubungan positif dengan jumlah aset dan bilangan responden yang mendapat pekerjaan yang kemudiannya membawa kepada peningkatan dalam aset isi rumah. Dengan mendapat jumlah pinjaman yang tinggi ia dapat membantu menjana pendapatan dan mengurangkan pengangguran dalam kalangan isi rumah. Tambahan lagi, mereka dapat mengesan prestasi ekonomi peserta Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) adalah ditentukan oleh jumlah wang yang dipinjam dari AIM dan tahap pendidikan. Responden yang berpendidikan adalah lebih berpengetahuan dalam mengendalikan projek-projek mereka. Menurut Jipun (2017), pendapatan dari sumber projek yang dibiayai oleh mikro ini memberi kesan kesamaan ke atas ketidaksamarataan pendapatan. Dengan andaian *ceteries paribus*, peningkatan syer pendapatan dari sumber projek mikrokredit akan memancu kepada pengurangan dalam jumlah ketaksamarataan. Dapatan analisis berdasarkan beberapa kajian lepas juga mendapati skim mikrokredit AIM telah meningkatkan prestasi ekonomi sahabat (Jipun, 2017). Sementara, penemuan kajian lain menunjukkan program pinjaman AIM sangat berkesan dalam mengurangkan kemiskinan di Malaysia. Program mikrokredit AIM berkesan dalam meningkatkan pendapatan seterusnya mengurangkan insiden kemiskinan di kalangan peserta selepas terlibat dalam program AIM. Turut dapat dikesan adalah pembiayaan mikrokredit dapat meningkatkan kualiti hidup isi rumah miskin luar bandar di Malaysia. Didapati juga nilai pasaran semasa ternakan, pertanian, kelengkapan pengeluaran, stok pertanian, bahan mentah, aset perusahaan dan kenderaan yang dimiliki oleh

responden yang telah lama menyertai program pinjaman AIM ini lebih tinggi berbanding responden yang baru menyertai program AIM.

Kajian oleh Mohd Ali et al. (2015) yang mengkaji keberkesanan pengagihan zakat bulanan sebagai mekanisme pengurangan kemiskinan di negeri Kelantan. Penduduk sasaran kajian adalah golongan miskin dan *fugara* iaitu kategori penerima zakat Jabatan Agama Islam Kelantan (MAIK). Prosedur persampelan rawak mudah digunakan untuk mengumpul data primer yang berkaitan dengan penerima zakat dari golongan miskin dan golongan miskin tegar dari sepuluh daerah di Kelantan. Kesan pengagihan zakat ke atas kemiskinan dianalisis dalam konteks beban kemiskinan; khususnya dari segi kejadian, keamatian dan keterukan kemiskinan. Ini dikaji menggunakan empat indeks kemiskinan utama, termasuk Indeks Ketua, Purata Kemiskinan, Pendapatan Gap dan Indeks Sen. Keputusan menunjukkan bahawa pengedaran zakat mengurangkan kadar kemiskinan, mengurangkan tahap kemiskinan dan mengurangkan keperitan kemiskinan. Selanjutnya, pengagihan zakat semasa di Kelantan hanya memberi sedikit kesan kepada peningkatan pendapatan golongan miskin. Oleh itu, dengan mencari jumlah pengagihan zakat yang sempurna untuk menghapuskan kemiskinan dan menawarkan model pengagihan zakat alternatif adalah cara terbaik dalam mengurangkan ketidaksamaan pendapatan dan memaksimumkan kebajikan sosial (Mohd Nor, 2022).

Kajian oleh Chin et al. (2016) juga ada meneliti desentralisasi kuasa dan hubungannya dengan penglibatan komuniti Iban dalam Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) di Daerah Song, Sarawak. Penemuan kajian menunjukkan desentralisasi kuasa dalam program di bawah SPKR berada pada tahap sederhana. Analisis Ujian Khi Kuasa Dua pula menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan ($p \leq 0.05$) antara tahap desentralisasi kuasa dengan penglibatan masyarakat Iban dalam pelaksanaan dan penilaian program di bawah SPKR. Ini menggambarkan semakin tinggi tahap desentralisasi kuasa yang diterima oleh masyarakat, maka semakin tinggi tahap penglibatan mereka dalam aktiviti pelaksanaan dan penilaian program di bawah skim tersebut. Sebaliknya, perhubungan tersebut adalah tidak signifikan ($p \geq 0.05$) dari segi tahap penglibatan dalam membuat keputusan dan berkongsi manfaat daripada program di bawah SPKR. Kajian oleh Azman et al. (2016), kemiskinan bandar yang berdasarkan kepada tahap pendapatan garis kemiskinan (PGK) di Selangor yang diunjurkan untuk garis kemiskinan kebangsaan adalah sebanyak RM800. Manakala status kemiskinan bandar yang digazetkan dengan populasi yang tinggi dirujuk di sesbuah tempat yang melangkaui kependudukan seramai 100,000 orang. Oleh itu, kajian tersebut mendapati antara faktor penting yang mengekang asnaf untuk keluar daripada kemiskinan ialah faktor demografi dan juga faktor sosio-ekonomi mereka.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan *Mixed Methods* (kaedah gabungan) yang menggabungkan elemen kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan ini dipilih untuk memberikan gambaran yang komprehensif tentang keadaan kemiskinan di Malaysia dan mengukur kesan program pembasmian kemiskinan seperti Projek AZAM Tani. Pendekatan ini memungkinkan pengumpulan data yang lebih mendalam dan analisis yang lebih tepat daripada pendekatan tunggal.

Populasi kajian terdiri daripada komunitas miskin di negeri Kelantan, Malaysia. Populasi ini dipilih kerana Kelantan adalah salah satu negeri di Malaysia dengan kadar kemiskinan yang tinggi. Sampel kajian dipilih menggunakan teknik *Stratified Random Sampling* (persampelan rawak berlapis) untuk memastikan representasi yang baik dari pelbagai kawasan dan kelompok masyarakat. Jumlah sampel kajian adalah 352 responden yang terlibat dalam Projek AZAM Tani.

Data dikumpulkan menggunakan dua jenis data utama:

- i. Data Primer: Dikumpulkan melalui:
 - a. Soal Selidik (Borang Pemantauan): Digunakan untuk mengumpulkan data kuantitatif tentang pendapatan, status pekerjaan, dan demografi peserta projek.
 - b. Temubual: Dilakukan dengan responden untuk mendapatkan maklumat kualitatif tentang sikap, motivasi, dan cabaran yang dihadapi semasa menjalankan projek.
 - c. Pemerhatian: Melibatkan pemerhatian langsung kegiatan projek dan interaksi antara peserta projek dengan pegawai pembimbing.
- ii. Data Sekunder: Diperoleh dari sumber-sumber yang wujud seperti laporan kerajaan, kajian terdahulu, dan dokumen rasmi projek AZAM Tani.

Kaedah analisis data melibatkan elemen berikut, iaitu:

- i. Analisis Kuantitatif: Data kuantitatif dianalisis menggunakan teknik deskriptif untuk menjawab soalan kajian. Analisis ini termasuk pengiraan min, peratusan, dan tabulasi silang untuk memahami perbezaan dan hubungan antara pelbagai pemboleh ubah seperti pendapatan, umur, jantina, dan pendidikan.
- ii. Analisis Kualitatif: Data kualitatif dianalisis menggunakan temubual tajuk terbuka untuk mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan sikap, motivasi, dan cabaran peserta projek. Analisis ini membantu memahami faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan projek dari sudut pandangan peserta.


Kawasan kajian terdiri daripada beberapa lokasi di Kelantan, termasuk Pasir Mas, Kota Bharu, Pasir Puteh, Machang, Tumpat, Kubang Kerian, dan Bachok. Lokasi-lokasi ini dipilih berdasarkan kehadiran pejabat MARDI dan tinggi kadar kemiskinan yang direkodkan di kawasan tersebut. Projek AZAM Tani dilaksanakan melalui beberapa peringkat, iaitu:

- i. Pemilihan Peserta: Peserta dipilih berdasarkan kriteria tertentu seperti status kemiskinan dan minat dalam sektor pertanian.
- ii. Pemberian Bantuan: Bantuan diberikan dalam bentuk modal awal, latihan, dan bimbingan teknikal.
- iii. Pemantauan dan Penilaian: Aktiviti projek dipantau secara berkala oleh pegawai pembimbing untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dan mencapai objektif projek.


Analisis Data dan Perbincangan

Demografi Peserta Projek AZAM Tani


Rajah 1: Jantina Peserta Projek



Berdasarkan rajah di atas, dapat dilihat bahawa jumlah peserta lelaki lebih ramai daripada peserta perempuan tetapi perbezaan kedua-duanya tidak ketara. Sehubungan itu, tidak boleh disimpulkan bahawa jantina merupakan faktor yang mempengaruhi tahap pendapatan peserta projek. Umumnya, tahap pendapatan peserta lelaki dan perempuan adalah tinggi dan sangat memuaskan.

Rajah 2: Status Peserta Yang Menjalankan Projek


Berdasarkan Rajah 2 di atas, dapat dilihat bahawa jumlah peserta sebagai KIR (Ketua Isi Rumah) adalah sebanyak 320 orang. Manakala selebihnya merupakan, isteri (21), anak (6), ahli keluarga lain (3), lain-lain (1) dan suami (1). Lazimnya, bagi suami yang tidak dapat memikul tugas sebagai KIR, disebabkan berada di luar kawasan, sakit atau telah meninggal dunia. Boleh disimpulkan bahawa sebanyak 90% KIR yang menjalankan projek ini adalah mewakili diri sendiri, sama ada lelaki atau perempuan. Bagi KIR yang terdiri daripada perempuan, biasanya mereka adalah yang memegang status ibu-ibu tunggal disebabkan kematian suami atau pun telah bercerai atas pelbagai faktor penyebab. Dan umumnya, kebanyakan ibu-ibu tunggal ini bersama-sama mereka ialah anak-anak yang masih kecil dan memerlukan kasih-sayang seorang ibu. Makanya, tanggungjawab menjaga ahli keluarga yang masih kecil tergalas pada bahu mereka. Rata-rata ibu tunggal yang ditemuramah memaklumkan bentuk bantuan ekonomi sebegini sangat-sangat diharapkan demi membantu mereka menjalankan usaha mencari pendapatan harian demi keluarga tersayang (Putri Mauliza et al., 2024).

Rajah 3: Umur Peserta Projek

Merujuk kepada Rajah 3, majoriti peserta projek AZAM Tani oleh MARDI di negeri Kelantan terdiri daripada kalangan yang berumur antara 51 hingga 60 tahun (113 peserta). Tujuan Projek AZAM Tani ini ialah untuk membantu golongan sasar yang tidak produktif, makanya banyak kuota telah diberikan kepada warga tua yang terdiri dalam kategori umur sekitar 51 hingga 60 tahun yang masih sihat untuk menjalankan projek berimpak ekonomi. Majoritinya, mereka ini adalah yang tinggal bersendirian di kampung-kampung tanpa ada ahli-ahli keluarga lain yang dapat membantu. Keduanya, adalah yang berumur sekitar 41 hingga 50 tahun (106 peserta). Ini diikuti oleh peserta-peserta yang berumur antara 31 hingga 40 tahun (81) dan seorang berumur dalam lingkungan 21 hingga 30 tahun. Bagi kategori umur 61 tahun dan ke atas pula mencatatkan sebanyak 51 peserta. Kalangan peserta


yang berumur sekitar 31 hingga 40 tahun dalam projek ini, umumnya terdiri daripada mereka yang tercicir daripada arus pasaran pekerjaan nasional dan hanya bergantung kepada pekerjaan kampung (Ahmad et al., 2016).

Rajah 4: Lokasi Peserta Projek



Berdasarkan rajah di atas, dapat dilihat bahawa jumlah peserta paling banyak berada di lokasi Pasir Mas iaitu sebanyak 107 peserta. Ini diikuti oleh peserta daripada Kota Bharu dengan bilangan 98 peserta dan diikuti dengan Pasir Puteh sebanyak 89 peserta. Seterusnya, di Machang (26), Tumpat (11), Kubang Kerian (11) dan Bachok (10) masing-masing. Tumpuan bantuan di lokasi-lokasi seperti di Pasir Mas, Kota Bharu dan Pasir Puteh ini adalah disebabkan oleh keberadaan pejabat MARDI itu sendiri di kawasan-kawasan terbabit. Justeru itu, ia memudahkan aktiviti pencarian, pemilihan dan pemantauan peserta-peserta yang dimaksudkan secara berkala. Tambahan lagi, jumlah penduduk di lokasi-lokasi ini melebihi angka 140,000 orang dan memungkinkan angka kemiskinan yang tinggi juga dicatatkan. Atas faktor itulah, makanya banyak kuota telah diperuntukkan untuk lokasi-lokasi ini (Febrina Amelia et al., 2023).


Rajah 5: Pembahagian Lokasi Peserta Mengikut Jantina



Berdasarkan Rajah 5 di atas, dapat dilihat bahawa jumlah peserta lelaki lebih ramai daripada peserta perempuan. Umumnya, tahap pendapatan peserta lelaki dan perempuan adalah tinggi dan memuaskan. Tiga daerah yang menunjukkan perbezaan ketara daripada segi pembahagian mengikut jantina ialah Kota Bharu, Pasir Mas dan Pasir Puteh. Daerah Bachok adalah merupakan satu-satunya daerah yang keseluruhan peserta Projek AZAM Tani adalah terdiri daripada lelaki dan tiada peserta


perempuan didaftarkan. Situasi ini terjadi mungkin disebabkan oleh jumlah peserta yang terpilih sebagai penerima bantuan daripada daerah ini amat kecil berbanding dengan daerah-daerah lain. Kebarangkalian peserta perempuan untuk terlibat sebagai peserta projek akan meningkat seiring dengan penambahan bilangan peserta pada masa-masa akan datang.

Rajah 6: Tahap Pendidikan Peserta Projek



Merujuk kepada Rajah 6 di atas, dapat dilihat bahawa jumlah peserta yang mendapat pendidikan menengah adalah tinggi iaitu sebanyak 299 peserta, berbanding dengan peserta yang mendapat pendidikan rendah, seramai 53 peserta. Ini kerana ramai peserta-peserta yang tidak menyambung pendidikan ke tahap lebih tinggi walaupun mereka layak disebabkan oleh masalah beban kewangan yang terpaksa dipikul oleh keluarga masing-masing. Peserta-peserta yang mendapat pendidikan rendah biasanya adalah mereka-mereka yang telah berumur 61 tahun dan ke atas. Pendidikan sehingga ke tahap menengah adalah merupakan kewajipan yang perlu digalas oleh anak-anak tempatan selepas negara mencapai kemerdekaan. Jika dibandingkan dengan era sebelum negara mencapai kemerdekaan, peratusan anak-anak tempatan yang menerima tahap Pendidikan Menengah adalah sangat sedikit. Walaupun setakat Pendidikan Menengah, asas penguasaan 3M (Membaca, Menulis & Mengira) berjaya dikuasai oleh mereka (Muyamin, 2019).


Rajah 7: Pekerjaan Asal Peserta Projek



Berdasarkan rajah di atas, iaitu Rajah 7 dapat dilihat bahawa kesemua peserta-peserta Projek AZAM Tani oleh MARDI di negeri Kelantan terlibat dengan kerja-kerja kampung sebelum mereka menyertai projek ini. Perkara ini adalah lumrah di negeri Kelantan kerana peluang pekerjaan agak terhad dan tahap pendidikan sehingga peringkat menengah sahaja telah membataskan peluang mereka dalam sektor pasaran buruh nasional. Akibat daripada ini, ramai Ahli Isi Rumah (AIR) sama ada

suami atau isteri atau anak-anak keluar daripada negeri asal dan merantau ke negeri-negeri lain yang menjanjikan peluang pekerjaan yang lebih banyak dan menarik. Malah, adakalanya disebabkan jumlah anak yang banyak, telah mengehadkan mobiliti suami atau isteri daripada keluar mencari rezeki yang lebih sesuai dengan keperluan mereka. Mereka ini terpaksa menjaga anak-anak yang ramai, menghantar anak ke sekolah, memasak dan membasuh. Ini adalah antara faktor utama mereka lebih suka kepada kerja-kerja di kampung. Ianya mudah lagi ringkas (Dayang Dayana Abg Abd Nasir et al., 2024), walaupun natijahnya imbalan pasti sedikit. Namun, atas dasar cukup ada memadai untuk mereka mendakkan usaha lebih yang perlu mereka lakukan.


Rajah 8: Pendapatan Peserta Sebelum Projek



Rajah 8 di atas sudah cukup membawa maksud keadaan peserta-peserta Projek AZAM Tani oleh MARDI di negeri Kelantan sebelum mereka dipilih menyertai program ini. Disebabkan pendapatan per kapita yang sangat rendah untuk sesebuah isi rumah, makanya melayakkan mereka untuk didaftarkan dalam Sistem eKasih yang diwujudkan oleh pihak kerajaan. Dengan julat pendapatan RM0 sehingga RM600 purata sebulan, untuk mencukupkan keperluan-keperluan isi rumah adalah sangat tidak munasabah pada era globalisasi ini. Ditambah lagi, jika peserta-peserta tinggal di kawasan-kawasan pekan atau bandar besar. Dengan suntikan berupa bantuan ekonomi melalui Projek AZAM Tani diharapkan mampu mengubah julat pendapatan peserta-peserta projek untuk jangka masa panjang dan akhirnya terkeluar daripada status miskin.

Kluster Projek Yang Memberi Impak


Rajah 9: Kluster Projek yang Memberi Impak




Berdasarkan rajah di atas, dapat dilihat bahawa jumlah peserta paling banyak mencebur ke kluster perniagaan dengan angka 198 peserta, diikuti dengan kluster pemprosesan produk IAT (57), kluster ternakan (8), kluster luar skop (57), kluster tanaman (13), kluster perkhidmatan pertanian (15), kluster perikanan (2) dan kluster kraftangan (2). Peratusan peserta-peserta projek yang terlibat dengan kluster perniagaan ialah sebanyak 55%. Iaitu, melebihi daripada separuh jumlah peserta yang

mengambil bahagian dalam kajian ini. Umum maklum, bahawasanya perniagaan merupakan cabang dalam ekonomi yang mampu menjana pendapatan isi rumah sekiranya ia dijalankan dengan sebuah badan pengurusan yang tersusun dan jelas matlamatnya. Pengurusan yang sistematik mampu membawa kepada pencapaian objektif yang telah ditetapkan awalnya. Aspek pengurusan ini buka sahaja untuk kluster perniagaan, malah untuk kluster-kluster lain yang diceburi oleh peserta berdasarkan keupayaan dan minat masing-masing.


Rajah 10: Pecahan Kluster Mengikut Jantina



Merujuk kepada rajah di atas, didapati peserta lelaki lebih cenderung menjalankan projek perniagaan dengan bilangan peserta sebanyak 136, diikuti dengan pemprosesan produk IAT (26), projek luar skop-kraf tani (32), perkhidmatan pertanian (15), kluster tanaman (12), ternakan (2) dan masing-masing dua peserta bagi kluster kraftangan dan perikanan. Manakala bagi peserta perempuan pula, mereka lebih mendominasi skop projek kluster perniagaan iaitu sebanyak 62 peserta. Seterusnya, adalah kluster pemprosesan produk IAT (31), kluster luar skop seperti jahitan (25) dan akhir sekali kluster tanaman yang mencatatkan seorang peserta sahaja. Juga, dapat dilihat bahawa peserta perempuan hanya menumpukan fokus kepada empat kluster projek berbanding dengan peserta lelaki yang terlibat dengan lapan kluster projek. Namun, kedua-duanya lebih cenderung melakukan aktiviti perniagaan disebabkan ianya mudah diwujudkan dan lebih cepat mendatangkan pulangan wang.


Rajah 11: Pecahan Kluster Mengikut Umur

Dengan merujuk kepada Rajah 11 di atas, jelas sekali dapat dilihat pada peringkat umur 21-30 tahun, kluster perniagaan menjadi pilihan utama. Pada peringkat umur 31-40, kluster perniagaan mencatatkan angka 42 peserta. Pada peringkat umur 41-50, kluster perniagaan tetap menjadi tumpuan dengan catatan 61 peserta. Begitu juga pada peringkat umur 51-60, kluster perniagaan mencatatkan angka tertinggi dengan catatan seramai 64 peserta. Dan akhir sekali, pada peringkat umur 61 tahun dan ke atas, kluster perniagaan tetap menjadi pilihan dalam kalangan peserta-peserta Projek AZAM Tani oleh MARDI di negeri Kelantan. Jika diteliti akan fenomena ini, jelaslah kluster perniagaan tidak kira peringkat umur akan tetap menjadi pilihan utama peserta projek. Ini disebabkan ianya mudah diwujudkan dan mudah juga diuruskan sesuai dengan konsep yang dipilih oleh para peserta. Kemudahan menubuhkan sebuah perniagaan itu tidak menjadi faktor penghalang kepada para peserta, cukup sekadar dengan modal serendah RM100 sahaja. Modal juga mudah diperolehi melalui ahli keluarga dan sahabat terdekat serta saudara atau rakan-rakan. Keperluan kepada jumlah pekerja juga agak minimum, bergantung kepada skala perniagaan yang dijalankan. Seterusnya, kluster yang menjadi tumpuan juga ialah pemprosesan produk IAT dan luar skop dalam kalangan peserta-peserta Projek AZAM Tani oleh MARDI di negeri Kelantan. Peserta-peserta sering diingatkan agar memilih projek yang cepat mendatangkan hasil serta diminati oleh peserta sendiri. Kebiasaan, para peserta diberi masa untuk mencadangkan projek yang bakal dijalankan kepada pegawai pembimbing sewaktu proses awal bantuan. Sebarang perubahan adalah dibenarkan selagi memberi kebaikan kepada peserta. Ini disebabkan, motif utama ialah menjana pendapatan untuk isi rumah. Dan dalam melakukan usaha ini, tiada unsur paksaan kepada peserta diamalkan oleh pegawai pembimbing dalam merubah nasib keluarga peserta. Kesemuanya dilakukan dengan niat yang murni (MARDI, 2014).

Rajah 12: Pecahan Kluster Mengikut Lokasi

Berdasarkan Rajah 12, dapat dilihat dengan jelas bahawa peserta di daerah Tumpat menjalankan lima jenis kluster projek, diikuti peserta daerah Pasir Puteh dengan lapan kluster projek dan merupakan yang paling banyak setakat ini. Daerah Pasir Mas pula, peserta-pesertanya teribat dengan enam kluster projek sahaja. Selanjutnya, peserta di daerah Machang (3), daerah Kubang Kerian (5), daerah Kota Bharu (6) dan daerah Bachok (5) masing-masing. Dapat dilihat juga, bahawa kluster perniagaan mencatatkan jumlah peserta paling ramai di semua daerah yang terlibat dengan Projek AZAM Tani ini. Kepelbagaiannya kluster ini mencerminkan bahawasanya peserta diberikan kebebasan sepenuhnya dalam memilih jenis projek yang dijalankan. Setiap daerah menampakkan ciri-ciri atau sentimen peserta yang hampir sama coraknya, itu pilihan kluster projek yang beraneka. Pengkaji yakin, bahawa pemilihan kluster projek oleh peserta-peserta adalah berdasarkan kepada minat, pengalaman dan kondisi keadaan setempat peserta projek. Elemen-elemen ini perlu diambil kira demi kelangsungan projek yang diyakini mampu menyumbang kepada julat pendapatan bulanan yang melayakkan mereka ini terkeluar daripada status miskin.

Rajah 13: Pecahan Kluster Mengikut Julat Pendapatan



Berdasarkan Rajah 13 di atas, dapat dilihat bahawa dalam julat pendapatan RM1-RM299 terdapat tiga kluster yang terlibat iaitu luar skop, perkhidmatan pertanian dan perniagaan. Pada julat pendapatan RM300-RM599, terdapat sebanyak enam kluster yang melibatkan peserta-peserta projek. Seterusnya, pada julat pendapatan RM600-RM999 pula mencatatkan sebanyak tujuh kluster. Pada julat pendapatan RM1,000-RM1,499 (5 kluster), julat pendapatan RM1,500-RM1,999 (6 kluster), julat pendapatan RM2,000-RM3,999 (7 kluster), julat pendapatan RM4,000-RM7,999 (5 kluster) dan pada julat pendapatan RM8,000 ke atas (4 kluster). Jelas juga bahawa setiap kluster itu berpotensi menjanakan julat pendapatan yang tinggi kepada peserta sekiranya sesuatu projek itu dijalankan dengan gaya pengurusan yang sebenar serta menepati piawaian terkini. Antara contoh-contoh kluster yang dimaksudkan ialah pemprosesan produk IAT, perniagaan, tanaman dan ternakan. Kluster luar skop dan kraftangan juga berpotensi menyumbang kepada pencapaian jumlah julat pendapatan yang sangat tinggi jika ia dijalankan secara serius. Juga dapat dilihat bahawa, dalam kesemua julat pendapatan yang ada, kluster perniagaan menjadi penyumbang utama kepada peningkatan pendapatan peserta-peserta Projek AZAM Tani. Analisis lanjut dapat dilihat seperti dalam Jadual 1 di sebelah.

Jadual 1: Peratus Peserta Terlibat Kluster Perniagaan


Bil.	Julat	Bil. Peserta	Bil. Terlibat Perniagaan	Kluster	Peratus (%)	Purata
1.	RM1-RM299	06	03		50	
2.	RM300-RM599	37	14		38	
3.	RM600-RM999	80	43		54	
4.	RM1,000-RM1,499	50	25		50	
5.	RM1,500-RM1,999	37	19		51	
6.	RM2,000-RM3,999	83	56		67	
7.	RM4,000-RM7,000	38	23		61	
8.	RM8,000 dan ke atas	21	15		71	

Berdasarkan pada data dalam Jadual 1, dapat dilihat bahawa jumlah peserta paling banyak menceburui kluster perniagaan adalah dalam julat pendapatan RM8,000 ke atas (15 daripada 21 peserta, iaitu 71%), diikuti oleh julat pendapatan RM2,000-RM3,999 (56 daripada 83 peserta, iaitu 67%), selanjutnya oleh julat pendapatan RM4,000-RM7,999 (23 daripada 38 peserta, iaitu 61%), RM600-RM999 (43 daripada 80 peserta, iaitu 54%), RM1,500-RM1,999 (19 daripada 37 peserta, iaitu 51%), RM1,000-RM1,499 (25 daripada 50 peserta, iaitu 50%), sama juga dengan julat pendapatan RM1-

RM299 (03 daripada 06 peserta, iaitu 50%) dan yang terakhir ialah julat pendapatan RM300-RM599 (14 daripada 37 peserta, iaitu 38%). Usaha-usaha menggalakkan peserta projek untuk menceburi perniagaan sering dilakukan dengan membekalkan peserta-peserta dengan ilmu pengurusan kewangan. Misalnya, melalui kursus dan modul AKPK sebagai asas dalam melengkapkan para peserta projek dengan kemahiran penting ini. Tanpanya, peserta akan mudah hilang arah dan terpesong daripada mencapai matlamat dan objektif projek yang dijalankan.


Julat Pendapatan Bulanan Peserta Projek

Rajah 14: Julat Pendapatan Bulanan Peserta Projek




Berdasarkan Rajah 14 di atas, dapat dilihat julat pendapatan bulan peserta Projek AZAM Tani oleh MARDI di negeri Kelantan majoritinya iaitu sebanyak 83 orang peserta berada dalam julat pendapatan antara RM2,000-RM3,999 sebulan. Ini diikuti oleh seramai 80 orang peserta dalam julat pendapatan antara RM600-RM999. Selanjutnya, seramai 50 orang peserta projek jatuh dalam julat pendapatan antara RM1,000-RM1,499. Julat pendapatan RM4,000-RM7,999 sebulan pula terdiri daripada 38 orang peserta. Dan, masing-masing seramai 37 orang peserta berada dalam julat pendapatan RM300-RM599 dan RM1,500-RM1,999 sebulan. Julat pendapatan bulanan RM8,000 dan ke atas adalah seramai 21 orang peserta dan akhir sekali ialah julat pendapatan RM1-RM299 sebulan hanya mencatatkan enam orang peserta sahaja. Pencapaian rendah peserta yang seramai enam orang ini adalah disedari dan diakui bermasalah. Punca utamanya ialah masalah kesihatan dan anak-anak masih kecil. Kesibukan dalam berurusan dengan pihak hospital dan mengelola persekolahan anak telah membantutkan sedikit pencapaian para peserta ini.


Rajah 15: Julat Pendapatan Mengikut Jantina




Berdasarkan Rajah 15 di atas, dapat dilihat bahawa pada julat pendapatan RM1-RM299, peserta lelaki melebihi peserta perempuan iaitu masing-masing 5 peserta lelaki dan 1 peserta perempuan. Pada julat pendapatan RM300-RM599, peserta lelaki (20) mendahului peserta perempuan (17). Selanjutnya, pada julat pendapatan RM600-RM999, peserta lelaki masih mendominasi dengan angka 61 peserta dan peserta perempuan hanya 19 orang. Pada julat pendapatan RM1,000-RM1,499 pula, peserta lelaki mencatatkan 15 orang dan peserta perempuan mencatatkan 15 orang. Julat pendapatan RM1,500-RM1,900 menunjukkan peserta lelaki mendahului peserta perempuan dengan angka 24 orang dan 13 orang, masing-masing. Julat pendapatan RM2,000-RM3,999 merekodkan angka 54 peserta lelaki dan 29 peserta perempuan. Manakala julat pendapatan RM4,000-RM7,999, peserta lelaki masih mendahului dengan 25 peserta berbanding perempuan dengan 13 peserta sahaja. Dan akhir sekali, pada julat pendapatan RM8,000 dan ke atas, peserta perempuan mendahului dengan angka 12 peserta, manakala peserta lelaki mencatatkan seramai 9 peserta. Dapatlah dirumuskan di sini bahawasanya, peserta lelaki lebih dominan dalam pencapaian setiap tahap julat pendapatan bulanan sewaktu menjalankan projek. Ini mungkin disebabkan jumlah peserta lelaki adalah lebih besar daripada jumlah peserta perempuan. Kemungkinan juga adalah disebabkan kudrat peserta lelaki lebih berbanding dengan kudrat seorang perempuan dalam menumpukan perhatian terhadap projek masing-masing. Namun, secara keseluruhannya faktor jantina semata tidaklah membawa apa-apa signifikan dalam kajian ini, namun jika dilihat daripada aspek kesalingbergantungan antara kedua-dua jantina sebaliknya membawa makna yang sangat besar dalam kajian ini. Ini disebabkan, apabila berlaku apa-apa musibah kepada KIR, maka biasanya si isterilah yang akan menjadi orang kedua dalam keluarga menggalas tugas berat menyarai keluarga tersayang. Kesanggupan kaum perempuan menggalas beban menyarai keluarga haruslah dipuji dan sokongan yang tidak berbelah bahagi harus diberikan sentiasa agar ahli keluarga yang disarai membesar dengan sempurna. Didapati juga, kaum perempuan adalah sangat fleksibel dalam menggalas masalah atau beban ketimbang kaum lelaki. Ini disebabkan kaum perempuan mempunyai tahap kesabaran yang tinggi dan sentiasa bersedia berhadapan dengan kemelut masalah rumah tangga. Lagi pula, kaum perempuan menghabiskan banyak masa di rumah dan tidak terdedah kepada anasir-anasir luar yang negatif. Berbanding dengan kaum lelaki pula, pendedahan kepada dunia luar adalah tidak dapat dielakkan. Misalnya, sewaktu mengenderai motosikal di jalan raya yang mana risikonya sangat tinggi sehingga mampu menggugat tahap keselamatan mereka. Saling bantu-membantu antara satu sama lain itu menjadi tunggak kejayaan projek yang dijalankan peserta.

Rajah 16: Julat Pendapatan Mengikut Umur

Merujuk kepada Rajah 16 di atas, dapat dilihat bahawa pada peringkat umur 21-30 tahun, terdapat seorang peserta dengan julat pendapatan RM2,000-RM3,999 sebulan. Pada peringkat umur 31-40 tahun pula, julat pendapatan RM600-RM999 mencatatkan angka paling tinggi iaitu seramai 28 peserta. Manakala pada peringkat umur 41-50 tahun, julat pendapatan paling tinggi ialah RM2,000-RM3,999 dengan 24 peserta. Padaperingkat umur 51-60 tahun, julat pendapatan RM2,000-RM3,999 mencatatkan angka paling tinggi dengan 33 jumlah peserta. Dan yang akhir ialah pada peringkat umur 61 tahun dan ke atas, julat pendapatan RM600-RM999 mendominasi dengan seramai 16 peserta. Jika diamati rajah tersebut di atas, dilihat bahawa pada peringkat umur 31 dan ke atas, peluang untuk memperolehi julat pendapatan RM8,000 dan ke atas dalam kalangan peserta adalah amat tinggi. Semua ini boleh dicapai jika mereka berterusan memberi fokus dan komitmen penuh terhadap projek yang dijalankan. Kejayaan sesungguhnya tidak mengenal usia, ini kerana pada umur 61 tahun ke atas, sebanyak tiga peserta Projek AZAM Tani oleh MARDI di negeri Kelantan berjaya mendapat pendapatan melebihi RM8,000 ke atas sebulan. Didapati juga bahawa, setiap kategori atau peringkat umur peserta dalam kajian ini ada yang mencapai peringkat julat pendapatan melebihi RM8,000 dan ke atas. Pencapaian ini seharusnya dibanggakan kerana ianya membuktikan bahawa umur bukanlah penghalang untuk berjaya. Semua orang mempunyai peluang dan hak untuk mengecapi kejayaan sebagaimana yang diimpikan. Yang membezakan berjaya atau tidak berjaya sesuatu projek yang dijalankan oleh peserta itu ialah usaha dan keazaman yang tinggi, disamping doa. Usaha yang berterusan bersama strategi pengurusan yang berkesan mampu merealisasikan impian seseorang itu.

Rajah 17: Julat Pendapatan Mengikut Lokasi

Berdasarkan Rajah 17 di atas, dapat dilihat bahawa jumlah peserta paling banyak mendapat pendapatan dalam julat yang tinggi berada hampir dengan lokasi pusat kota, iaitu di Kota Bharu. Ini disebabkan pusat bandar menjanjikan peluang-peluang ekonomi yang baik kepada peserta-peserta Projek AZAM Tani oleh MARDI di negeri Kelantan. Ini kerana penduduk-penduduk di pusat bandar lebih gemar membeli barang makanan berbanding memasak sendiri disebabkan kekangan masa. Dicatatkan sebanyak 84 daripada 98 peserta iaitu 86% di Kota Bharu mencatatkan pendapatan melebihi RM600 dan ke atas. Manakala di Pasir Mas pula, sebanyak 105 daripada 107 peserta iaitu 98% berjaya mendapat pendapatan melebihi RM600 sebulan. Di Pasir Puteh, seramai 72 daripada 89 peserta iaitu 81% berjaya memperolehi pendapatan melebihi RM600 dan ke atas. Ini diikuti oleh daerah Machang dengan 22 daripada 26 peserta iaitu 85% berjaya memperolehi pendapatan melebihi RM600 dan ke atas. Begitu juga di daerah Tumpat mencatatkan seramai 8 daripada 11 peserta iaitu 73% berjaya mendapat pendapatan melebihi RM600 sebulan. Begitu juga di Kubang Kerian dengan catatan 73% peserta berjaya mencatatkan pendapatan melebihi RM600 ke atas sebulan. Manakala daerah Bachok pula satu-satunya daerah yang mencatatkan pencapaian 100%, apabila kesemua 10 pesertanya memperolehi pendapatan melebih RM1,000 dan ke atas. Kemampuan memperolehi julat pendapatan yang tinggi di lokasi-lokasi seperti di Pasir Mas, Kota Bharu dan Pasir Puteh adalah disebabkan peluang pasaran untuk produk atau perkhidmatan yang disediakan. Rata-rata lokasi ini berpenduduk melebihi angka 140,000 orang dan sekaligus menjadi faktor utama kepada pencapaian julat pendapatan yang tinggi dalam kalangan peserta. Namun, lokasi-lokasi lain masih berpotensi untuk memberikan pencapaian julat pendapatan yang tinggi sekiranya para peserta projek mampu menyusun strategi perniagaan yang sesuai.

Rajah 18: Julat Pendapatan Mengikut Tahap Pendidikan

Berdasarkan Rajah 18 di atas, dapat dilihat dengan jelas bahawa peserta yang mempunyai tahap pendidikan menengah mampu memperolehi pendapatan yang lebih tinggi berbanding dengan peserta yang hanya mempunyai tahap pendidikan rendah. Misalnya, sebanyak 70 peserta yang mempunyai pendidikan menengah berjaya mencapai julat pendapatan antara RM2,000 hingga RM3,999 berbanding hanya 13 peserta sahaja. Begitu juga dengan pencapaian peserta dalam julat pendapatan yang lain, peserta yang berpendidikan menengah menguasai carta. Ini membawa maksud bahwasanya, tahap pendidikan yang lebih tinggi mampu membawa peserta ke suatu tahap lebih tinggi sekiranya digunakan sebaiknya ilmu yang ada. Dengan kata lain, melalui pendidikan yang seimbang dunia dan akhirat mampu membawa kesejahteraan kepada peserta-peserta. Justeru, anak-anak pesertalah yang akan menggalas bahu membawa perubahan ke atas diri dan keluarga melalui ruang dan peluang pendidikan yang sentiasa terbuka luas di depan mata. Peranan pegawai pembimbing amat kritikal pada peringkat ini dalam menasihati peserta-peserta yang mempunyai tanggungan yang amat ramai. Antara usaha-usaha lain yang dilakukan ialah kursus-kursus teknikal berkaitan projek, seperti pemprosesan produk makanan, minuman atau sos. Kursus-kursus pengendalian makanan serta tanaman fertigasi turut diberikan kepada peserta-peserta projek demi melengkapkan mereka dengan ilmu pengetahuan yang betul. Tidak dilupakan juga ialah aspek pemasaran yang merangkumi penggunaan aplikasi media social seperti Facebook, Instagram, Twitter dan lain-lain lagi. Ada di antara para peserta projek yang mengambil inisiatif sendiri dengan menghadiri pelbagai kursus, program motivasi, seminar perdagangan, bengkel halal dan pelbagai lagi sebagai menampung kekurangan ilmu atau pengalaman dalam bidang yang diceburi. Pengkaji mendapati aspek pendidikan formal atau tidak formal mampu menjadi pemangkin kepada kejayaan berpanjangan peserta projek. Situasi ini bertambah nyata apabila ramai dalam kalangan anak-anak peserta projek telah berjaya mendapat pendidikan sehingga ke peringkat universiti berkat usaha peserta projek itu sendiri, melalui bantuan Projek AZAM Tani.

Analisis Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Sikap dan Motivasi Peserta

Berikut adalah analisis faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan motivasi peserta Projek AZAM Tani oleh MARDI di Kelantan.

Peranan Pegawai Pembimbing dalam Pemantauan Berkala

Kehadiran pegawai pembimbing secara berkala merupakan faktor kritikal dalam meningkatkan motivasi peserta. Menurut kajian, peserta sangat bergantung pada bimbingan tunjuk ajar dan sokongan emosi daripada pegawai untuk mengatasi cabaran projek (Mohd Zubir, 2016). Interaksi bulanan ini bukan sahaja membina keyakinan, tetapi juga menyediakan platform untuk peserta berkongsi masalah dan merancang strategi penyelesaian (Al-Meshari et al., 2007). Keberkesanan pemantauan ini terbukti melalui peningkatan pendapatan peserta selepas menyertai projek (Mohd Ali et al., 2015).

Sikap Proaktif dan Kreativiti Peserta

Sikap suka bertanya, kreativiti dalam merancang alternatif, dan semangat tidak mudah putus asa adalah ciri dominan peserta berjaya. Peserta sering menggunakan pendekatan kolaboratif dengan peserta lain atau ahli keluarga untuk menyelesaikan masalah (Ling et al., 2022). Kajian menunjukkan bahawa sikap proaktif seperti ini berkait rapat dengan peningkatan produktiviti dalam kalangan usahawan tani (Çetin, 2024).

Sokongan Komuniti dan Keluarga

Faktor persekitaran seperti sokongan jiran tetangga dan penglibatan ahli keluarga memainkan peranan pemangkin. Misalnya, program AKRAB mendorong perkongsian ilmu antara peserta, yang meningkatkan motivasi kolektif (MARDI, 2021). Kajian oleh Westlund et al. (2013) turut menegaskan bahawa modal sosial (seperti jaringan komuniti) adalah kunci kejayaan projek pembangunan lestari.

Pengaruh Globalisasi dan Teknologi

Akses kepada teknologi (seperti telefon bimbit dan televisyen satelit) mempercepatkan penerimaan maklumat, tetapi juga mewujudkan jurang antara peserta yang mampu menyesuaikan diri dengan yang terpinggir. Menurut Kumar (2012), globalisasi memerlukan pendekatan inklusif untuk memastikan tiada peserta ketinggalan dalam arus kemajuan.

Keperluan Anjakan Paradigma dalam Pembasmian Kemiskinan

Kajian ini menyarankan perlunya pendekatan holistik yang menggabungkan sokongan psikologi, pendidikan teknikal, dan sistem sokongan berterusan untuk mengelak peserta kembali terjerumus dalam kemiskinan (Townsend, 2014). Program seperti bengkel dan seminar perlu diperluaskan untuk membuka minda peserta terhadap peluang baharu (EPU, 2020).

Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, didapati pencapaian peserta-peserta Projek AZAM Tani di MARDI Kelantan adalah sangat memberangsangkan. Hal ini kerana data-data pendapatan menunjukkan bahawa hampir 95 peratus peserta mempunyai pendapatan melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang diwartakan oleh kerajaan. Skop yang memberi impak perlulah dipilih oleh calon-calon peserta baharu sekiranya mereka terpilih menyertai program sebegini. Ini memandangkan peratusan kejayaan yang sangat tinggi dicatatkan oleh peserta projek yang mengambil skop ini sebagai aktiviti utama projek mereka. Tahap pendapatan bulanan peserta-peserta Projek AZAM Tani oleh MARDI di negeri Kelantan majoritinya mencapai tahap 95 peratus daripada pendapatan sebelum mereka menyertai Projek AZAM Tani ini.

Pegawai pembimbing memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran dan pencapaian projek. Sikap dan persepsi peserta-peserta Projek AZAM Tani memainkan peranan dalam memastikan peserta mencapai keseronokan dalam menjalankan aktiviti projek mereka. Sikap peserta yang positif akan melahirkan motivasi yang positif dalam diri peserta untuk menguasai sesuatu perkara. Kerajaan juga perlu memainkan peranan dengan memastikan program sebegini diperbanyakkan. Sehubungan itu, pihak kerjaan perlulah mencari pakar yang terbaik dan berpengalaman untuk mengajar selok-belok pengurusan projek bagi memastikan pegawai pembimbing mendapat manfaat daripada setiap ilmu yang dipelajari. Diharapkan dengan kesimpulan yang telah dikemukakan beserta cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh pengkaji dapat menjadi panduan kepada MARDI dan juga agensi-agensi pelaksana lain serta pegawai-pegawai pembimbing yang terlibat dalam menguruskan Projek AZAM Tani ini, demi memastikan peserta-peserta yang terpilih mengikuti program ini akan terus berjaya membebaskan diri dan keluarga daripada kepompong kemiskinan yang tidak pernah alpa membarah dalam kalangan masyarakat. Sebagai rumusannya, dapatlah dikatakan bahwasanya kajian yang dijalankan ini telah mencapai objektif yang telah ditetapkan. Kesemua persoalan-persoalan yang dikemukakan telah dijawab dalam kajian ini dan keberkesanan Projek AZAM Tani oleh MARDI kepada golongan sasaran di negeri Kelantan telah dapat dikenal pasti dengan menggunakan kaedah penyelidikan yang sesuai.

Rujukan

- Abd Halim, S., Selvaratnam, D. P., & Abu Bakar, N. (2013). Pembasmian kemiskinan melalui Program Amanah Ikhtiar: Kajian Kes Cawangan Kota Setar, Kedah. Dalam *Prosiding PERKEM VIII* (Vol. 3, pp. 1340–1351). Diakses dari http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013_5B3.pdf
- Ahmad, N. A., & Abdul Ghani, M. (2016). Dasar Wanita Negara: Daripada polisi kepada pelaksanaan. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 19. <https://doi.org/10.32890/jps.19.2016.11533>
- Al-Meshari, A., & Kokal, S. (2007). A mentor/Mentee training program: A success story. *SPE Annual Technical Conference and Exhibition*. <https://doi.org/10.2118/108854-ms>
- Azman, A. S., Mat Nor, F., & Yunus Mawar, M. (2016). Realiti Kemiskinan Bandar Di Kalangan Asnaf Selangor: Satu Kajian Empirikal. In *International Conference on Economics & Banking 2016 (2nd ICEB)*. <http://conference.kuis.edu.my/iceb2016/eproceedings/EB015.pdf>
- Cui, Z., Li, E., Li, Y., Deng, Q., & Shahtahmassebi, A. (2023). The impact of poverty alleviation policies on rural economic resilience in impoverished areas: A case study of Lankao County, China. *Journal of Rural Studies*, 99, 92-106. <https://doi.org/10.1016/j.jrurstud.2023.03.007>
- Chin Hoe, K., Abd Wahab, H., Abu Samah, A., Hariza Hashim, A., & Redzuan, M. (2016). Desentralisasi kuasa dan penglibatan komuniti Iban dalam Program Pembasmian Kemiskinan di Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(April), 0–9. www.msocialsciences.com
- Dayang Dayana Abg Abd Nasir, & Ahmad Zamri Mansor. (2024). Harapan ibu bapa terhadap anak berkeperluan khas Di Sarawak. *Journal of Southeast Asia Psychology (SAPJ)*, 7(2), 17. <https://doi.org/10.51200/sapj.v7i2.5230>
- Economic Planning Unit (EPU). (2020). Dasar Pembangunan Lestari Negara 2021-2025. Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

Febrina Amelia, W., & Setiyawan, A. (2023). Penentuan faktor – faktor yang mempengaruhi pemilihan lokasi irigasi kedungkandang Di Kota Malang dan Kabupaten Malang. *Prosiding SEMSINA*, 4(01), 140-151. <https://doi.org/10.36040/semsina.v4i01.7935>

Hamzah, S. S. A. (2012). *Pengaruh kemiskinan dalam ekonomi Malaysia*. Institut Penyelidik Ekonomi Malaysia, 7–9. <http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>

Haslina Hashim, & Garai Abdullah Regina. (2009). Penglibatan Komuniti Dalam Program Pembangunan Luar Bandar: Kajian Kes Di Pusat Pertumbuhan Desa Gedong, Sarawak. *Akademika*, 77, 41–67. <http://pkukmweb.ukm.my/~penerbit/akademika/jademik.html>

Jabatan Perdana Menteri. (2011). *Laporan Tahunan 2010*. PEMANDU Associates – Driving Transformation. <https://pemandu.org/wp-content/uploads/2023/05/2010-Government-Transformation-Programme-Annual-Report-BM.pdf>

Jasni, M. A., Hassan, N., Ibrahim, F., & Kamaluddin, M. R. (2022). Gelandangan dalam kalangan belia dan kanak-kanak terbiar Di Malaysia: Satu perbincangan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 33(2), 98-117. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol33no2.6>

Jipun, J. (2017). Program Pembasmian Kemiskinan: Pencapaian Program 1Azam Kolej Teknikal Yayasan Sabah dalam meningkatkan pendapatan peserta, *Journal of Humanities, Languages, Culture and Business*, 1(1), 112–120.

Koswara, W. (2022). Implementasi aturan perlindungan data pribadi oleh penyelenggara sistem elektronik dikaitkan dengan teori keadilan Dan kepastian hukum. *Jurnal Paradigma Hukum Pembangunan*, 7(2), 86-103. <https://doi.org/10.25170/paradigma.v7i2.3681>

Kumar, R. (2012). ‘Rural informatics’: Use of information and communication technologies for the rural poor – From digital divide to digital opportunity in rural India. *Media Asia*, 39(4), 183-190. <https://doi.org/10.1080/01296612.2012.11689936>

Ling, L. S., Sahid, S., & Othman, N. (2022). Hubungan sikap dan tingkah laku keusahawanan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001345. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1345>

MARDI. (2014). *Pembasmian Kemiskinan: Merubah kehidupan masyarakat melalui teknologi* (1st ed.). Penerbit MARDI.

MARDI. (2015). *Akhiri Zaman Miskin: Transformasi ekonomi golongan berpendapatan rendah*. Penerbit MARDI.

MARDI. (2021). Laporan pelaksanaan Projek AZAM Tani di Kelantan. MARDI Press.

MOA. (2015). *Garis panduan pelaksanaan Projek AZAM Tani*. Putrajaya: IAT, MOA.

Mohd Ali, A. F., Abd. Rashid, Z., Johari, F., & Ab. Aziz, M. R. (2015). The effectiveness of zakat in reducing poverty incident: An analysis in Kelantan, Malaysia. *Asian Social Science*, 11(21), 355–367. <https://doi.org/10.5539/ass.v11n21p355>

Mohd Nor, R. (2022). Pelaksanaan projek keusahawanan sosial melalui dana syubhabah: Kajian kes Sekolah Rendah Agama Bahrul Ulum (SRIBU), Bukit Mertajam, Pulau Pinang. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 95-108. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol3no3.139>

- Mohd Zubir, S. K. (2016). Peranan institusi kewangan dalam kesejahteraan ekonomi belia luar bandar. *Asia Pacific Journal of Youth Studies*, 15(1), 1-22. <https://doi.org/10.56390/apjys2024.15.12>
- Muyamin, M. (2019). Peran aktif NGO humana dalam memfasilitasi pendidikan anak-anak tenaga kerja Indonesia (TKI) Di Sabah Malaysia. *Indonesian Perspective*, 4(2), 100-117. <https://doi.org/10.14710/ip.v4i2.26703>
- N. Khalid, H. (1985). Satu analisis mengenai dikotomi antara kemiskinan bandar dan luar bandar di Malaysia. *Perspektif Journal*, 4(1), 1-21. http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/30530/15.PDF
- Nik Mad, N. S., Md Yunus, M., & Abdul Aziz, M. S. (2020). Kesejahteraan subjektif: Halangan Dan cabaran peserta program mikro kredit amanah ikhtiar Malaysia Di cawangan kepong, wilayah Selangor Dan Kuala Lumpur tengah. *Jurnal Pengajian Melayu*, 31(1), 20-35. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol31no1.2>
- Nooririnah, O. (2014). *Keutuhan perpaduan Melayu dalam arus modernisasi*. <http://eprints.utm.edu.my/15736/1/PerpaduanMelayu.pdf>
- Nur Alisa, Siradjuddin, & Misbahuddin. (2023). Konsep negara dan masyarakat ideal menurut al-farabi dalam Sudut Pandang Ekonomi. *Syarikat: Jurnal Rumpun Ekonomi Syariah*, 6(2), 493-506. [https://doi.org/10.25299/syarikat.2023.vol6\(2\).13338](https://doi.org/10.25299/syarikat.2023.vol6(2).13338)
- Putri Mauliza, & Zahara Meutia. (2024). Membangun manajemen waktu keluarga yang baik bagi ibu rumah tangga dalam usaha peningkatan ekonomi keluarga. *Harmoni Sosial: Jurnal Pengabdian dan Solidaritas Masyarakat*, 1(2), 01-07. <https://doi.org/10.62383/harmoni.v1i2.98>
- Sabran, M. S. (2003). Model pembangunan komuniti. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, 11(2), 135–145.
- Siwar, C., Md. Zin, A., & Jaafar, A. H. (1990). Peranan industri desa dalam pembangunan industri. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 21 & 22, 265–304. Diakses daripada http://www.ukm.my/fep/jem/pdf/1990-21-22/jeko_21-16.pdf
- Syamilia, S. & Hamzah, A. (2015). *Pengaruh kemiskinan dalam ekonomi Malaysia*. <https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/siti2052015.pdf>
- Townsend, P. (2014). *International analysis poverty*. Routledge.
- Unit Perancang Ekonomi. (2018). Diakses pada Mei 20, 2018, daripada epu.gov.my/ms/content/meif-2016-0
- Westlund, H., & Kobayashi, K. (2013). Social capital and sustainable urban–rural relationships in the global knowledge society. *Social Capital and Rural Development in the Knowledge Society*. <https://doi.org/10.4337/9781782540601.00006>